

## **MODEL PENDIDIKAN PENGGUNA UNTUK SEKOLAH RENDAH DI MALAYSIA**

### ***Consumer Education Model for Primary School in Malaysia***

**Norlia Mat Norwani, Khalid Ismail, Ibrahim Tamby Chek,  
Ramlee Ismail & Norasibah Abdul Jalil**

Faculty of Management & Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

#### **Abstract**

*The purpose of this study was to identify the level of students' knowledge about consumer topics included in the curriculum of primary schools and provides a consumer model for primary education in Malaysia. Two sets of questionnaires were prepared, one set distributed to students in Level 1 and one set distributed to students in Level 2. The questionnaires contain questions related to knowledge about the elements contained in the rights and responsibilities of consumers. The sample consisted of 950 students from 38 schools representing National Primary Schools in Malaysia for both Level 1 and Level 2 according to zones (North, Central, South, and East) and urban and rural areas. For questions about knowledge, the findings of Level 1 showed the seven rights and responsibilities are covered in the syllabus, the majority of students understand the rights and responsibilities of consumers questioned except for involvement and action and social responsibility. For Level 2, of the 12 categories, two categories of rights and responsibilities did not show satisfactory results. Implication of the study is the construction of a consumer education model for primary school education, which accounted for seven rights and responsibilities that must be nurtured to the students. In this regard, two modules entitled 'Smart Consumer' were designed for students in Level 1 and Level 2.*

**Keywords** Consumer education, primary school, level 1, level 2, rights and responsibilities, model

#### **Abstrak**

*Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar-pelajar tentang tajuk-tajuk kepenggunaan yang dimasukkan dalam kurikulum di sekolah rendah dan menghasilkan satu model pendidikan pengguna untuk sekolah rendah di Malaysia. Dua set borang soal selidik disediakan iaitu satu set diedarkan kepada pelajar-pelajar di Tahap 1 dan satu set lagi diedarkan kepada pelajar-pelajar di Tahap 2. Soal selidik tersebut mengandungi soalan-soalan berkaitan pengetahuan pelajar tentang elemen-elemen yang terkandung dalam hak dan tanggungjawab pengguna. Sampel pelajar terdiri daripada 950 orang pelajar dari 38 buah sekolah yang mewakili Sekolah Rendah Kebangsaan di Malaysia bagi setiap Tahap 1 dan Tahap 2 mengikut zon (Utara, Tengah, Selatan, dan Timur) dan kawasan bandar serta luar bandar. Bagi persoalan tentang pengetahuan, dapatkan kajian bagi Tahap 1 menunjukkan daripada tujuh hak dan tanggungjawab pengguna yang dicakupi dalam silibus, majoriti pelajar memahami hak dan tanggungjawab pengguna yang disoal kecuali bagi penglibatan dan tindakan serta tanggungjawab sosial. Bagi Tahap 2, daripada 12 yang dinilai, dua kategori hak dan tanggungjawab pengguna tidak menunjukkan pencapaian yang memuaskan. Implikasi kajian ialah pembinaan model pendidikan pengguna sekolah rendah yang mencakupi tujuh hak dan tanggungjawab yang perlu diterapkan kepada para pelajar. Sehubungan dengan ini, dua modul yang diberi tajuk 'Pengguna Bestari' digubal bagi pelajar Tahap 1 dan Tahap 2.*

**Kata kunci:** pendidikan pengguna, sekolah rendah, tahap 1, tahap 2, hak dan tanggungjawab, model

## **PENGENALAN**

Hampir semua negara di Eropah mempunyai Pusat Pendidikan Pengguna khas yang berfungsi sebagai unit kesatuan kerja yang dilengkapi dengan bahan-bahan pengajaran bagi memenuhi

matlamat pendidikan yang berdasarkan kepada projek pendidikan dan kurikulum (*European Module*) pada peringkat Sekolah Rendah, Menengah dan Dewasa (UNESCO, 2005). Ia berfungsi untuk membantu membentuk pengguna yang bersifat mengkritik, berfikiran terbuka dan mempunyai pengetahuan yang tinggi melalui aktiviti pembangunan menggunakan kaedah pembelajaran yang terkini berdasarkan kepada keperluan pembelajaran. Ini membantu pengguna untuk membuat perbandingan, membuat pilihan yang rasional tentang sesuatu produk dan perkhidmatan serta sedar akan hak dan tanggungjawab sebagai seorang pengguna. Dalam konteks di Malaysia pula, pendedahan ilmu berkaitan kepenggunaan dalam kalangan murid-murid di sekolah adalah diterapkan secara tidak langsung menerusi pemeran pengguna dan pertandingan kuiz di antara sekolah-sekolah serta diselitkan dalam beberapa mata pelajaran dengan menggunakan strategi pendidikan yang berkonsepkan pendidikan sepanjang hayat.

## LATAR BELAKANG DAN ISU-ISU PENDIDIKAN PENGGUNA

Dasar kepenggunaan negara untuk setiap rakyat Malaysia adalah berpandukan kepada falsafah kepenggunaan dan kesedaran setiap individu mengenai tanggungjawab sebagai seorang pengguna di Malaysia (KPDNKK, 2012). Ini membawa kepada falsafah umum kepenggunaan iaitu mewujudkan sifat berdikari dalam kalangan para pengguna. Hak-hak pengguna yang telah digariskan oleh Persatuan Pengguna ialah hak untuk mendapatkan keperluan asas, hak untuk mendapatkan keselamatan, hak untuk mendapatkan maklumat, hak untuk membuat pilihan, hak untuk bersuara, hak untuk mendapatkan ganti rugi, hak untuk mendapatkan pendidikan pengguna dan hak untuk mendapatkan alam sekitar yang sihat dan selamat (Persatuan Pengguna, 2012). Tanggungjawab pengguna pula digariskan oleh Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) iaitu mengkritik, penglibatan dan tindakan, tanggungjawab sosial, dan bersatu padu (KPDNKK, 2012).

Statistik kebangsaan menunjukkan masalah kualiti udara, kualiti air sungai, kemusnahan hutan, pembuangan sisa dari rumah dan sisa toksik daripada industri adalah diantara isu persekitaran yang kita hadapi (Jabatan Audit Negara, 2006). Dalam tempoh 2006-2009, kemerosotan sub-indeks alam sekitar adalah disebabkan masalah jerebu di rantau Asia Tenggara (Unit Perancang Ekonomi, 2012). Semenjak tahun 1995, bilangan sungai yang bersih menurun daripada 48 batang sungai kepada 34 batang sungai. Indeks kualiti udara pula menurun ke tahap lebih kurang 50 batang sungai iaitu berada di paras sederhana. Dalam konteks sekolah rendah, pelajar-pelajar biasanya tidak dapat membezakan dengan tepat sama ada sesuatu perkara itu adalah fakta atau fabrikasi. Hal ini kerana tidak banyak bahan dan silibus berkaitan pendidikan pengguna tidak diterapkan secara langsung di dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat sekolah rendah. Sempena Kongres Dunia *Consumers International* (CI) di Sydney, Australia pada Oktober 2007, CI yang merupakan sebuah persatuan pengguna antarabangsa yang dianggotai oleh 220 buah persatuan pengguna dari 115 buah negara, telah mengumumkan pemenang anugerah produk terburuk antarabangsa iaitu ialah keluaran Coca-Cola, Kellogg's, Mattel dan Takeda Pharmaceuticals (Persatuan Pengguna, 2012). Syarikat Coca-Cola dikatakan masih meneruskan penjualan air minuman berjenama "Dasani" di peringkat antarabangsa walaupun mengakui bahawa sumber minuman tersebut ialah air paip. Syarikat Kellogg's pula memasarkan produk keluarannya yang mengandungi kadar perasa dan garam yang tinggi menggunakan karakter kartun yang disasarkan kepada kanak-kanak. Syarikat Mattel pula melakukan percubaan dalam menghalang kongres Amerika daripada menyiasat serta cuba mengelak daripada bertanggungjawab terhadap penarikan balik 21 juta produknya dari seluruh dunia. Akhir sekali, Takeda Pharmaceuticals mengambil peluang daripada peraturan yang lemah di Amerika Syarikat dengan mengiklankan produk pil tidur untuk kanak-kanak. Semua produk yang disebut menjadi kegemaran anak-anak masa kini yang tidak mengetahui sama sekali implikasi menggunakanannya terhadap mereka dalam tempoh

jangka pendek apatah lagi bagi jangka masa panjang. Justeru itu, golongan ini mesti dilindungi melalui pendidikan kepenggunaan yang dapat memberikan mereka pengetahuan, kesedaran dan kemahiran untuk membolehkan mereka berfikir secara kritikal. Kekurangan keprihatinan terhadap hak pengguna seperti yang termaktub di dalam undang-undang dan peraturan yang diperuntukan bagi melindungi pengguna, menyebabkan pengguna sering menjadi mangsa kepada peniaga-peniaga yang kurang bertanggungjawab. Justeru itu, sewajarnya pengetahuan serta kesedaran mengenai aspek ini diberi penekanan awal iaitu sejak anak-anak menuntut ilmu di bangku sekolah lagi.

Pada masa kini masih belum ada satu pun mata pelajaran khusus berkaitan dengan kepenggunaan di sekolah-sekolah di Malaysia. Ilmu berkaitan kepenggunaan cuma diterapkan secara tidak langsung menerusi mata pelajaran kemahiran hidup dan persatuan-persatuan pengguna. Pendedahan cuma diberikan secara tidak langsung menerusi pemeran pengguna dan pertandingan kuiz di antara sekolah-sekolah. Oleh itu, bagi meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab kepenggunaan ini, pendedahan awal sejak dari sekolah rendah seharusnya diberikan menerusi pelbagai cara bak kata pepatah “melentur buluh biar dari rebungnya”. Pengetahuan yang tepat, kemahiran serta pendekatan yang dipelajari dari peringkat awal ini akan dapat membantu menyediakan pelajar sebagai pengguna yang bijak dalam hidupnya dan berterusan sepanjang hayatnya.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

- i) Menentukan tajuk-tajuk berkaitan kepenggunaan yang terdapat dalam silibus semua mata pelajaran di peringkat sekolah rendah.
- ii) Menentukan tahap pengetahuan pelajar-pelajar tentang tajuk-tajuk kepenggunaan yang dimasukkan dalam kurikulum sekolah rendah.
- iii) Menghasilkan satu model pendidikan pengguna untuk sekolah rendah di Malaysia.

## **KERANGKA TEORI**


Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh ahli-ahli pemikir psikologi, terdapat beberapa jenis teori yang mampu memberi implikasi terhadap pendidikan pengguna terhadap pengguna cilik.

Menurut Balkisnah dan Norhasni (2009), pemberian latihan merupakan satu proses melaksanakan dan mengaplikasikan kemahiran, pengetahuan dan sikap yang positif yang diperolehi semasa melaksanakan latihan. Hal ini menjelaskan bahawa di dalam proses pembelajaran, terdapat konsep pemberian respons ke atas tindak balas yang diberi oleh pelajar. Respons yang diberikan oleh pelajar mencerminkan tindakbalas terhadap kefahaman pelajar serta membolehkan penghasilan tindak balas yang sama atau lebih baik pada masa yang akan datang. Dengan adanya pemberian latihan yang diberikan oleh guru, guru mampu mengesan tahap kefahaman pelajar sama ada respons positif atau negatif. Sekiranya terdapat respons negatif, guru perlu melakukan latihan yang lebih agresif bagi meningkatkan lagi kefahaman pelajar.

Model Phelan (Rajah 1) menjelaskan terdapat empat faktor yang mampu mempengaruhi gelagat manusia di dalam mempelajari Pendidikan Pengguna. Gelagat manusia biasanya dipengaruhi oleh norma penggunaan, nilai dan kepercayaan di dalam sesuatu persekitaran. Model ini mengandaikan setiap tanggapan disertakan bersama dengan tiga tonggak berkenaan. Di dalam konteks komuniti sosio-ekonomi, peranan media, dan persepsi daripada keluarga, rakan-rakan dan sekolah dalam gelagat kepenggunaan mampu mempengaruhi dan skala mempengaruhi bagi setiap individu adalah berbeza-beza (*Nordic-Estonian Consumer Education Group*, t.t). Setiap unit seperti keluarga, rakan-rakan dan sekolah mempunyai peranannya tersendiri dari segi normanya, nilainya, kepercayaannya,

tanggapannya dan tindak tanduknya di dalam mempengaruhi gelagat kepenggunaan seseorang individu. Faktor-faktor ini menjadi faktor persekitaran di dalam mempengaruhi corak pembelian atau penggunaan seseorang pengguna.

Pengguna muda mempunyai interpretasi dan pandangan tersendiri di dalam mempamerkan gelagat pengguna serta membina atau melakukan strategi dalam membeli atau menggunakan sesuatu barang atau perkhidmatan (*Nordic-Estonian Consumer Education Group*, t.t). Berdasarkan model Phelan, faktor diri sendiri dipengaruhi oleh maksud, persepsi, kefahaman, pandangan tersendiri, kegemaran barang atau perkhidmatan, mengadaptasi dan strategi di dalam kepenggunaan. Setiap faktor akan dipertimbangkan oleh setiap pengguna sebelum membuat keputusan di dalam menggunakan sesuatu barang atau perkhidmatan. Oleh itu, Pendidikan Pengguna boleh tercapai melalui hasil pembelajaran yang berkualiti di mana tabiat kepenggunaan perlu diubah agar mampu melindungi pengguna muda. Sebenarnya, Pendidikan Pengguna melibatkan satu pembelajaran sepanjang hidup yang perlu didedahkan dan dikomersialkan pada awal kanak-kanak dengan memilih topik yang bersesuaian. Justeru, bagi



**Rajah 1** Model Phelan, Davidson & Yu, 1993-diubahsuaikan oleh Kumpulan Nordic-Estonian)

melahirkan dan menghasilkan hasil pembelajaran yang baik, teknik pengajaran perlulah berasaskan dengan situasi yang sering dihadapi oleh pelajar dan seiring dengan cabaran kepenggunaan. Hal ini kerana Pendidikan Kepenggunaan mampu membina gelagat, pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi setiap unit komuniti yang akan diaplikasikan kehidupan seharian mereka.

Ringkasnya, di dalam kajian ini, Model Phelan digunakan dalam menjelaskan proses penerapan Pendidikan Pengguna kepada para pelajar di sekolah rendah di Malaysia.

## ULASAN LITERATUR

### Dasar Kerajaan dan Pendidikan Pengguna

Program Transformasi Kerajaan (*Goverment Transformation Programme-GTP*) dilancarkan bagi mendokong wawasan 2020. Terdapat enam tonggak utama atau Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Result Area-NKRA*) yang diperuntukan dalam GTP iaitu mengurangkan jenayah, membanteras rasuah, mempertingkatkan pencapaian pelajar, meningkatkan taraf kehidupan isi rumah pendapatan rendah, mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar, dan mempertingkatkan pengangkutan awam di bandar (GTP, 2012).

Pelan GTP mampu menyerapkan Pendidikan Pengguna kepada masyarakat dalam usaha mempertingkatkan kualiti kehidupan pengguna pada masa kini. Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8) bukan sahaja berfokuskan kepada bidang ekonomi malahan bidang pendidikan dalam mempromosikan modal tenaga buruh yang lebih berkualiti. Di dalam RMK-8, pendidikan pengguna dikekalkan sebagai salah satu kaedah di dalam meningkatkan kesedaran berhubung dengan hak pengguna bagi menjaga kepentingan pengguna. Peningkatan kesedaran di kalangan pengguna akan bertindak sebagai penghalang di dalam menghadapi amalan perdagangan yang tidak beretika. Dasar Pengguna Negara (DPN) digubal bagi menggalakkan keseimbangan hak dan tanggungjawab di kalangan dan di antara pengguna, pembekal/pengilang dan kerajaan di dalam melaksanakan peranan masing-masing, menggalakkan kepenggunaan lestari di kalangan pengguna dan pembekal/pengilang ke arah memelihara kedaulatan negara dan kebijakan pengguna dalam era globalisasi. DPN diperlukan sebagai prinsip dan panduan di dalam menggubal undang-undang berkaitan perlindungan pengguna. Selain itu, DPN ibarat vaksin di dalam menghadapi kesan globalisasi terhadap pengguna, pembekal/pengilang dan kerajaan. Selaras kewujudan DPN, pendidikan pengguna yang berterusan diberi keutamaan oleh sektor awam dan swasta serta diintegrasikan dalam aktiviti pendidikan formal dan tidak formal. Pelan Induk Pengguna (PIP) pula digubal untuk melahirkan pengguna yang berdaya-upaya dan melaksanakan perlindungan kendiri, meningkatkan kawal selia kendiri dalam kalangan peniaga dan meningkatkan keberkesaan perlindungan pengguna. Kerajaan memainkan peranan dalam penguatkuasaan dan secara keseluruhan menyelaras kebijakan pengguna dan peniaga (KPDKKK, 2002).

Transformasi kurikulum terbaru adalah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Pelaksanaan kurikulum ini berobjektifkan untuk membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni. Matlamatnya pula adalah memastikan anak bangsa Malaysia dipupuk semangat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi (KPM, 2011). Seterusnya ialah Dasar Baru Ekonomi (DBE) yang mensasarkan membasmikan kemiskinan (UPE, 2012). Dengan pembelajaran Pendidikan Pengguna, kemahiran kewangan dikenalkan dan diajar pada penguna cilik agar pengguna mampu membuat perancangan kewangan yang lebih baik. Dengan adanya pendedahan mengenai kemahiran kewangan pelajar-pelajar mampu mempelajari dan melakukan perancangan yang baik, sistematik, dan bijaksana.

## **Pengetahuan dan Kesedaran Pengguna**

Kajian awal yang dijalankan di Pulau Pinang menunjukkan orang ramai didapati lebih mementingkan isu-isu lain seperti pendidikan, inflasi dan pengangguran berbanding isu alam sekitar (Chelliah, 1983). Ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa tahap keprihatinan orang ramai terhadap alam sekitar pada ketika itu adalah rendah. Walaubagaimanapun, sejak akhir-akhir ini keprihatinan masyarakat terhadap isu alam sekitar semakin meningkat terutama dalam kalangan pengguna bandar di Malaysia dan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Md. Nor dan Suriyati di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur pada tahun 2000 (Mohamad Fazli Sabri & Teoh Yong Yong, 2006). Kajian yang dilakukan oleh Dairying (2008) mengenai kesedaran pengguna terhadap hak-hak pengguna menunjukkan sebanyak 15% menyedari hak di dalam mendapatkan keperluan asas manakala sebanyak 28.33% menyedari hak

mendapatkan keselamatan. Bagi kesedaran hak mendapat maklumat sebanyak 24.17% dan sebanyak 47.50% bagi hak memilih. Hak bersuara pula adalah 23.33% dan hak untuk mendapatkan ganti rugi adalah 40.83%. Bagi hak untuk mendapatkan pendidikan pengguna adalah 25% dan hak untuk mendapatkan alam sekitar yang sihat pula adalah 14.17%. Dotson dan Hyatt (2005) menyatakan Pendidikan Pengguna adalah sangat penting dalam meminimumkan kelemahan yang terdapat pada kanak-kanak dan melindungi mereka daripada diperdaya oleh unsur-unsur luar seperti media. Hal ini dipersetujui oleh Anette dan Christina (2006) yang berpendapat golongan muda memerlukan Pendidikan Pengguna sebagai medium untuk bertindak dan berinteraksi sebagai seorang pengguna yang bijak bertindak balas. Liesbeth (2005) pula menyatakan kanak-kanak di bawah umur enam tahun masih tidak dapat menilai iklan. Kanak-kanak yang berumur tujuh dan lapan tahun hanya mengenalpasti sesuatu iklan daripada penglihatan secara zahir sahaja. Kanak-kanak hanya akan mahir dalam memahami sesebuah iklan itu pada usia 10 tahun dan 11 tahun. Mereka akan dapat berfikir secara pantas tentang sesebuah iklan dan mula bertindak secara kritikal apabila mencelah usia 12 tahun.

Kajian-kajian lepas menerangkan tentang kesan penjenamaan dalam memilih produk (Bre'e & Cegarra, 1994; He'mar-Nicolas, 2007). Ilustrasi visual harus disesuaikan dengan usia kanak-kanak dan sekaligus boleh menyebabkan berlakunya proses pengenalan identiti yang mendorong pengguna kanak-kanak untuk mengembangkan hubungan antara minat dengan jenama. Montigneaux (2002) mencadangkan estetika tertentu untuk menarik minat pengguna kanak-kanak. Ini menunjukkan bahawa bentuk dan saiz yang terdapat pada sesuatu watak mempengaruhi penilaian estetika seseorang kanak-kanak yang dapat memahami sesuatu jenama dengan mengaitkan sesuatu watak. Sebagai contoh, watak visual yang digambarkan dengan kepala dan tangan yang besar seperti *Mickey Mouse* adalah faktor yang dapat menarik minat kanak-kanak. Creusen dan Schoormans (2005) telah mengkaji cara-cara penampilan produk yang mempengaruhi pilihan pengguna dan mengenalpasti enam ciri-ciri utama iaitu maklumat estetik, simbolik, berfungsi, maklumat ergonomik, perhatian lukisan, dan kategori. Penampilan produk boleh mempunyai nilai estetik dan simbolik kepada pengguna, memberi ekspresi ke atas ciri-ciri berfungsi dan memberi kesan kualiti (nilai fungsi), dan memberi ekspresi ke atas kemudahan penggunaan (nilai ergonomik). Di samping itu, ia boleh menarik perhatian dan boleh mempengaruhi kategori sesuatu produk (Creusen & Schoormans, 2005). Penyelidikan pada bungkusan umumnya memberi tumpuan hanya pada dua peranan terakhir bagi penampilan produk. Penekanan diberikan untuk peranan estetik dan simbolik (atau dimensi nilai) daripada bungkusan kerana ia boleh dianggap bahawa pilihan produk pengguna. Ini merupakan pengaruh yang paling kerap (Jordan, 2000; Meyers & Gerstman, 2005).

Pengetahuan kanak-kanak tentang maklumat nutrisi dan pelabelan juga tidak menyeluruh (Neeley & Petricone, 2006) di mana kanak-kanak berusia antara tujuh tahun dan 11 tahun tidak boleh menghubungkaitkan maklumat yang diperolehi di dalam kelas dengan sesuatu keadaaan seperti pemilihan pembelian tanpa dorongan atau tanpa mengingati pembelajaran terdahulu, dan anak-anak di bawah usia tujuh tahun tidak dapat mengadaptasi apa yang dipelajari walaupun telah diberi dorongan (Moses & Baldwin, 2005; Neeley & Schumann, 2004). Ketika kanak-kanak dihidangkan dengan menu makanan segera, mereka mungkin tidak dapat membuat keputusan berdasarkan prinsip-prinsip pembelajaran yang telah diajar sebelum ini mengenai pemakanan sihat, terutama jika hal ini tidak didorong oleh ibu bapa. Walaupun kita mengetahui tentang sikap kanak-kanak di mana kanak-kanak belajar dan akan mengadaptasikan pembelajaran mereka, beberapa pakar berpendapat bahawa syarikat-syarikat seperti McDonald's harus menghadkan pemberian hadiah percuma melalui pakej makanan *Happy Meals* kerana dengan cara ini akan lebih mendorong kanak-kanak untuk memilih alternatif pemakanan yang sihat (Doonar, 2004).

Literatur yang dikemukakan menunjukkan kepentingan Pendidikan Pengguna kepada kanak-kanak. Literatur yang menunjukkan tahap pengetahuan kanak-kanak tentang aspek kepenggunaan juga terlalu sedikit kerana fokus kajian-kajian yang dibuat lebih kepada tujuan komersial dan bukan akademik. Justeru, kajian ini sangat penting dalam menentukan tahap pengetahuan kepenggunaan pelajar terutama dalam konteks Malaysia.

## METODOLOGI KAJIAN

### **Sample, Instrumen dan Kebolehpercayaan Kajian**

Kajian ini berbentuk tinjauan bagi mendapatkan maklumat berkaitan persoalan kajian daripada bilangan sampel yang besar. Ia turut melibatkan analisis kandungan (*content analysis*) silibus/buku-teks semua mata pelajaran yang diajar di sekolah rendah untuk menentukan tema-tema berkaitan kepenggunaan yang terangkum dalam mata pelajaran tersebut. Sampel responden dalam kajian ini adalah para pelajar sekolah rendah di Semenanjung Malaysia. Bagi memudahkan populasi, responden dipilih menggunakan persampelan bertujuan berdasarkan zon Utara, Tengah, Selatan dan Timur. Sebanyak 40 buah sekolah rendah yang terdiri daripada jenis kebangsaan dan kebangsaan telah dipilih sebagai responden. Sampel kajian telah melibatkan seramai 950 orang pelajar Tahap 1 yang terdiri daripada 434 orang pelajar lelaki dan 516 orang pelajar perempuan dan 950 orang pelajar Tahap 2 yang terdiri daripada 420 orang pelajar lelaki dan 530 orang pelajar perempuan.

Kajian ini menggunakan analisis *relational* dan melibatkan analisis kandungan (*content analysis*) silibus/buku-teks semua mata pelajaran yang diajar di sekolah rendah untuk menentukan tema-tema berkaitan kepenggunaan yang terangkum dalam mata pelajaran tersebut (Hsieh & Shannon, 2005). Semakan tema kepenggunaan dibuat berdasarkan kandungan buku teks dan silibus semua mata pelajaran di sekolah rendah. Tajuk-tajuk diklasifikasikan berdasarkan tema-tema yang berkaitan hak dan tanggungjawab kepenggunaan.

Borang soalan kaji selidik pula terbahagi kepada dua bahagian yang merangkumi Latar Belakang Responden dan Aspek Pengetahuan bagi kedua-dua tahap. Aspek pengetahuan hak dan tanggungjawab adalah berdasarkan kepada buku panduan yang terdapat dalam Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Malaysia. Aspek pengetahuan hak merangkumi hak untuk mendapatkan keperluan asas, keselamatan, mendapatkan maklumat, membuat pilihan, bersuara, mendapatkan ganti rugi, pendidikan pengguna dan alam sekitar yang sihat. Aspek pengetahuan tanggungjawab pula adalah merangkumi memberikan kritikan, penglibatan dan tindakan, tanggungjawab sosial dan tanggungjawab bersatu padu.

Min bagi skor komponen pengetahuan yang disenaraikan dalam borang soal selidik akan diberi interpretasi seperti di Jadual 1.

**Jadual 1** Interpretasi Nilai Skor Min

Bil.	Nilai Min	Aras/Interpretasi
1	0.00-0.33	Rendah
2	0.34-0.66	Sederhana
3	0.67-1.00	Tinggi

Kajian rintis telah dilakukan terlebih dahulu bagi menguji ketekalan dalaman (*internal consistency*). Dalam kajian ini, ketekalan dalaman diuji menggunakan kaedah ‘*test-retest*’. Kaedah ini sesuai digunakan untuk menguji kebolehpercayaan dari segi kestabilan sesuatu data yang diukur. Keseluruhan koefisien *alpha* item soalan menunjukkan nilai lebih dari 0.60.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bagi menjawab objektif kajian yang pertama, hanya empat mata pelajaran sahaja meliputi unsur-unsur kepenggunaan bagi kedua-dua tahap iaitu Matematik, Sains, Pendidikan Jasmani, dan Pendidikan Kesihatan. Walau bagaimanapun, hanya enam hak yang dicakupi dalam sukan pelajaran dalam mata pelajaran ini iaitu hak untuk keperluan asas, hak untuk keselamatan, hak untuk maklumat, hak untuk membuat pilihan, hak untuk pendidikan pengguna dan hak untuk persekitaran yang sihat dan selamat. Bagi subjek Pendidikan Moral, Tahap 1 hanya mencakupi unsur-unsur kepenggunaan manakala bagi hanya Tahap 2, subjek Kajian Tempatan, Bahasa Melayu, dan Kemahiran Hidup mencakupi hak untuk keperluan asas, hak untuk keselamatan, hak untuk maklumat, hak untuk pendidikan pengguna, dan hak untuk persekitaran yang sihat dan selamat. Bagi elemen tanggungjawab pengguna yang digariskan oleh KPDKKK, hanya tiga mata pelajaran bagi Tahap 2 sahaja mencakupi tanggungjawab yang digariskan iaitu dalam mata pelajaran Kajian Tempatan, Kemahiran Hidup, dan Sains.

Objektif kajian kedua ialah mengenalpasti tahap pengetahuan murid-murid Tahap 1 dan 2 mengenai hak dan tanggungjawab pengguna yang dicakupi dalam silibus mata pelajaran di sekolah rendah. Jadual 2 dan 3 adalah ringkasan dapatan kajian mengenai tahap pengetahuan murid-murid Tahap 1 tentang hak dan tanggungjawab pengguna.

**Jadual 2** Pengetahuan Hak dan Tanggungjawab Pengguna Tahap 1

Hak dan Tanggungjawab	min	sd	Tahap
Keperluan asas	.91	.224	Tinggi
Pendidikan pengguna	.56	.258	Sederhana
Alam sekitar yang sihat	.76	.158	Tinggi
<b>Tanggungjawab</b>			
Penglibatan dan tindakan	.66	.110	Sederhana
Tanggungjawab sosial	.76	.299	Tinggi

**Jadual 3** Pengetahuan Hak dan Tanggungjawab Pengguna Tahap 2

Hak dan Tanggungjawab	min	sd	Tahap
Keperluan asas	.70	.220	Tinggi
Keselamatan	.73	.145	Tinggi
Mendapatkan maklumat	.76	.277	Tinggi
Membuat pilihan	.65	.477	Sederhana
Bersuara (menyatakan pendapat)	.84	.243	Tinggi
Pendidikan pengguna	.52	.273	Sederhana
Alam sekitar yang sihat	.85	.299	Tinggi
<b>Tanggungjawab</b>			
Penglibatan dan tindakan	.80	.188	Tinggi
Tanggungjawab sosial	.60	.201	Sederhana
Bersatu padu	.65	.284	Sederhana

Dapatan kajian ini mendapati tahap pengetahuan murid-murid Tahap 1 dan 2 pada keseluruhannya adalah tinggi. Bagi Tahap 1, hak dan tanggungjawab yang dicakupi dalam silibus mata pelajaran merangkumi keperluan asas, pendidikan pengguna, alam sekitar yang sihat, penglibatan dan tindakan serta tanggungjawab sosial. Dapatan kajian mendapati pengetahuan hak untuk mendapatkan hak pendidikan pengguna dalam kalangan murid-murid Tahap 1 dan 2 adalah sederhana (Min=.56, SD=.285) dan (Min=.52, SD=.273) berbanding

dengan hak dan tanggungjawab yang lain. Aspek tahap pengetahuan yang sederhana dalam mendapatkan hak pendidikan pengguna turut dipengaruhi oleh kesediaan pembelajaran dan pengajaran pendidikan pengguna di sekolah. Hal ini kerana pendidikan pengguna dianggap satu subjek yang tidak rasmi dan tidak memerlukan peperiksaan akhir tahun. Oleh itu, kandungan pendidikan pengguna tidak diberi perhatian atau dianggap tidak penting berbanding kandungan subjek-subjek yang terlibat dalam peperiksaan. Selain daripada itu, tenaga pengajar sangat memerlukan ruang untuk memahami, merancang, membangun, dan mengimplementasikan pendidikan pengguna.

Hampir kesemua hak dan tanggungjawab telah dicakupi dalam silibus mata pelajaran di sekolah rendah kecuali hak mendapatkan ganti rugi dan tanggungjawab mengkritik. Jika di negara barat seperti di Eropah, pendidikan pengguna telah bermula di sekolah rendah sebagai suatu kurikulum kerana ia berfungsi untuk membentuk pengguna yang bersifat mengkritik, berfikiran terbuka dan mempunyai kesedaran yang tinggi melalui aktiviti pembangunan menggunakan kaedah pembelajaran yang terkini berdasarkan kepada keperluan pembelajaran. Ini membantu pengguna untuk membuat perbandingan, membuat pilihan yang rasional tentang sesuatu produk dan perkhidmatan serta sedar akan hak dan tanggungjawab sebagai seorang pengguna.

Adalah suatu yang baik jika tahap pengetahuan hak dan tanggungjawab pengguna adalah tinggi bermula seawal usia kanak-kanak lagi kerana seperti yang dijelaskan oleh Liesbeth Hop (2005), biasanya kanak-kanak di bawah umur enam tahun masih tidak dapat menilai mesej yang terkandung dalam iklan. Kanak-kanak yang berumur tujuh dan lapan tahun pula hanya memahami sesuatu iklan daripada penglihatan secara zahir sahaja. Kanak-kanak hanya akan mahir dalam memahami sesebuah iklan itu pada usia 10 dan 11 tahun. Mereka akan dapat berfikir secara pantas tentang sesebuah iklan dan mula bertindak secara kritikal apabila mencecah usia 12 tahun.

Dotson dan Hyatt (2005) pula menyatakan "...pendidikan pengguna adalah sangat penting dalam meminimumkan kelemahan yang terdapat pada kanak-kanak dan melindungi mereka daripada diperdaya oleh unsur-unsur luar seperti media". Hal ini dipersetujui oleh Anette dan Christina (2006) yang berpendapat golongan muda memerlukan pendidikan pengguna sebagai medium untuk bertindak dan berinteraksi sebagai seorang pengguna yang bijak bertindak balas.

Kajian ini mendapati penerapan Pendidikan Pengguna di Sekolah Rendah adalah tidak menyeluruh dalam silibus pembelajaran. Contohnya, semasa berada di Tahap 1 tiada sebarang unsur mengenai Pendidikan Pengguna dimasukkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Begitu juga mata pelajaran Bahasa Inggeris, hanya tanggungjawab penglibatan dan tindakan sahaja dimasukkan dalam kandungan pembelajaran yang diajar bermula pada tahun satu hingga tahun tiga. Selain daripada itu, tiada sebarang unsur-unsur Pendidikan Pengguna mengenai hak dan tanggungjawab dimasukkan dalam silibus pembelajaran sekolah rendah. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya silibus pembelajaran seharusnya diseimbangkan dalam semua mata pelajaran yang diajar di Sekolah Rendah mengikut kesesuaian dan keperluan dalam sesuatu mata pelajaran.

Hasil daripada dapatan, skop hak dan tanggungjawab pengguna menjadi batu pengukur di dalam pembentukan model dan modul yang diterbitkan. Berdasarkan skor bagi setiap item bagi setiap set borang soal selidik, markah 80% diperuntukkan sebagai markah lulus kerana berdasarkan pembelajaran masteri iaitu mencapai kemahiran seperti di dalam objektif pembelajaran dengan memperolehi skor 80% ke atas dalam penilaian atau ujian yang dilakukan oleh guru. Oleh itu, item yang kurang daripada skor 80% akan dipermantapkan lagi dan dicadangkan di dalam pembentukan modul Pendidikan Pengguna ini.

Hasil dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan oleh pengamal pendidikan sama ada di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, guru-

guru dan pengurusan sekolah sebagai permulaan kepada Pendidikan Pengguna yang lebih teratur dan menjadi amalan kepada pelajar-pelajar di peringkat Sekolah Rendah. Model yang dibina dalam kajian ini mengenal pasti hak pengguna (Persatuan Pengguna, 2012) dan tanggungjawab pengguna yang sememangnya sedia ada dalam Dasar Pengguna Negara (KPDNKK, 2012) dan ditambah dengan aspek baru yang telah diterapkan di negara-negara maju iaitu aspek kemahiran kewangan. Beberapa hak dan tanggungjawab pengguna yang digariskan oleh Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang didapati bertindih di antara satu sama telah diubahsuai.

Bagi kajian ini, komponen dicadangkan dalam model Pendidikan Pengguna di sekolah disebut sebagai hak dan tanggungjawab. Penggunaan istilah ‘hak dan tanggungjawab’ diganti kerana tujuan pembinaan model ini ialah untuk membina kompetensi atau kemahiran pelajar dalam tujuh aspek kepenggunaan yang dikemukakan supaya mereka berupaya menjadi pengguna yang celik maklumat dan mampu membuat pilihan serta keputusan yang bijak dalam urusan sehari-hari.

Hak dan tanggungjawab di bawah ialah hasil daripada pengubahsuaian yang dibuat berdasarkan hak dan tanggungjawab yang dikemukakan oleh Kementerian Perdagangan dalam Negeri, dan hak dan tanggungjawab yang baru dicadangkan:

- i. Hak dan tanggungjawab Keperluan Asas-berdasarkan hak untuk mendapat keperluan asas.
- ii. Hak dan tanggungjawab Keselamatan-berdasarkan hak untuk mendapat keselamatan.
- iii. Hak dan tanggungjawab Membuat Keputusan-berdasarkan hak untuk mendapat maklumat dan hak membuat pilihan.
- iv. Hak dan tanggungjawab Bersuara-berdasarkan hak untuk bersuara, hak untuk mendapat ganti rugi, dan tanggungjawab mengkritik.
- v. Hak dan tanggungjawab Tanggungjawab Sosial-berdasarkan hak mendapat alam sekitar yang sihat dan selamat, tanggungjawab penglibatan serta tindakan, dan tanggungjawab sosial.
- vi. Hak dan tanggungjawab Kewarganegaraan-berdasarkan tanggungjawab bersatu padu.
- vii. Hak dan tanggungjawab Kewangan-berdasarkan model semasa yang diamalkan di luar negara.

Rajah 2 menunjukkan cadangan Model Pengguna Bestari berdasarkan komponen hak dan tanggungjawab kepenggunaan di atas. Hak dan tanggungjawab tersebut ialah keperluan asas, keselamatan, membuat keputusan, bersuara, tanggungjawab sosial, kewarganegaraan dan kemahiran kewangan. Hak dan tanggungjawab yang dicadangkan ini bermatlamat untuk melahirkan masyarakat pengguna yang bijak dan mampu melaksanakan perlindungan kendiri. Matlamat ini telah dikenal pasti dalam visi Bahagian Gerakan Kepenggunaan, Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Persatuan Pengguna (KPDNKK, 2012).



**Rajah 2** Model Pengguna Bestari

Penyelidik turut menggubal dua buah modul bagi melaksanakan penerapan pendidikan pengguna praktikal dan berkesan di sekolah-sekolah rendah di Malaysia. Modul tersebut dinamakan Pengguna Bestari Tahap 1 dan Pengguna Bestari Tahap 2.

## KESIMPULAN

Kanak-kanak adalah golongan yang mudah dipengaruhi dan dalam masa yang sama mereka memerlukan bantuan serta perlindungan atas kekurangan mereka dan mereka sangat memerlukan perhatian daripada orang dewasa seperti ibu bapa, guru-guru, masyarakat dan kerajaan. Dalam situasi hari ini, sekolah merupakan medium yang paling tepat dan mudah mempengaruhi minda murid-murid dalam menterjemahkan kepentingan pengetahuan pendidikan pengguna dalam kehidupan seharian kerana hampir setiap hari masa kanak-kanak dihabiskan di alam persekolahan. Justeru itu, model Pendidikan Pengguna yang dijangka dapat membantu memupuk sikap positif sebagai warganegara yang berkesan telah digubal untuk pelajar sekolah rendah di Malaysia. Ini diikuti dengan penggubalan dua buah buku yang dijangka dapat dijadikan panduan dalam melaksanakan program Pendidikan Pengguna di sekolah-sekolah rendah di Malaysia.

## RUJUKAN

- Anette, P. & Christina, F. (2006). Responsible marketing to children and their families, *Young Consumers: Insight and Ideas for Responsible Marketers*, Vol. 7 Iss: 4, 13 – 18.
- Balkisnah Shaharuddin & Norhasni Zainal Abidin. (2009). *Tinjauan faktor-faktor pendorong dan penghalang pemindahan latihan: konteks Malaysia* yang dimuat turun daripada laman sesawang [http://www.sosiohumanika-jpssk.com/sh\\_files/File/balkisnah.nonie.upm.pdf](http://www.sosiohumanika-jpssk.com/sh_files/File/balkisnah.nonie.upm.pdf) pada 28 Ogos 2012.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Prentice Hall: New Jersey.
- Bre'e, J. & Cegarra, J. (1994). Les personnages, e' le'ments de reconnaissance des marques par les enfants. *Revue Franc,aise du Marketing*, 146, 1, pp. 17-35.

- Chelliah, T. (1983). Environmental awareness in Malaysia. *Alam Sekitar*, 9(1), 26-29.
- Clugston, R. (2004). The UN decade of education for sustainable development. *SGI Quarterly*, 38, pp. 2-5 yang dimuat turun daripada laman sesawang <http://www.sgiquarterly.org/>.
- Creusen, M. E. H. & Schoormans, J. P. L. (2005). The different roles of product appearance in consumer choice. *Journal of Product Innovation Management*, 22, pp. 63-81.
- Dairyling, J. F. (2008). *Awareness of standae marks, consumer rights and acts* yang dimuat turun daripada laman sesawang <http://www.arccjournals.com/pdf/Dairyling/jdfhs-27-3and4/jdfhs-27-3and4-013.pdf> pada 23 Jun 2012.
- Doonar, J. (2004). Life in the fast lane. *Brand Strategy*, 186, 20-23.
- Dotson, M. J. & Hyatt, E. M. (2005). Major influence factors in children's consumer socialisation'. *Journal of Consumer Marketing*. Vol 22 (1):35-42.
- Goverment Transformation Programme. (2012). Goverment transformation programme. Dimuat turun daripada laman sesawang <http://www.pemandu.gov.my/gtp/> pada 29 Julai 2012.
- Hémar-Nicolas, V. (2007). *Le personnage de marque: Son impact sur la mémorisation et l'intention de demande de la marque auprès des enfants agés de six à dix ans*. Tesis Kedoktoran. Université Paris I Panthéon Sorbonne: Paris.
- Hsieh, H. & Shannon, S. E. (2005). *Three approaches to qualitative content analysis*. SAGE Publication: New York.
- Jabatan Audit Negara. (2006). *Laporan simposium pengurusan alam sekitar*. Akademi Audit Negara: Nilai, Negeri Sembilan.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. (2003). *Multimedia dalam pendidikan*. PTS Publication: Bentong.
- Jordan, J. L. (2000). Variance as well as mean?. Response variandility as behaviourial phenomenon. *Journal of Consumer Research*, 28, 3, pp. 506-511.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Kurikulum standard sekolah rendah*. Dimuat turun dari laman web [http://www.moe.gov.my/bpk/kssr\\_docs/01\\_Konsep\\_KSSR/Konsep%20KSSR.pdf](http://www.moe.gov.my/bpk/kssr_docs/01_Konsep_KSSR/Konsep%20KSSR.pdf) pada 15 Mac 2012.
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Pengguna. (2002). *Pelan induk pengguna*. Kuala Lumpur: KPDKKK.
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Pengguna. (2012). *Hak-hak dan tanggungjawab pengguna*. Dimuat turun daripada <http://www.kpdkkk.gov.my/> pada 22 Januari 2012.
- Liesbeth, H. (2005). Advertising to children in the Netherlands, *Young Consumers: Insight and Ideas for Responsible Marketers*, Vol. 6 Iss: 4, 35 – 37.
- McGregor, S. L. T. (2007). Sustainability through vicarious learning: Reframing consumer education. Dalam A. Wals (Ed.), *Social learning towards a more sustainable world: Principles, perspectives and praxis* (pp. 351-368). Wageningen, the Netherlands:Wageningen Academic Publishers.
- Meyer, H. & Gerstman, R. (2005). *Using packing to build effective brands*. Palgrave MacMilla: New York.
- Mohamad Fazli Sabri & Teoh Yong Yong. (2006). Tahap keprihatinan alam sekitar dan amalan kepenggunaan hijau pengguna di Petaling Jaya, Selangor. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 14, 2, 95-109.
- Montigneaux, N. (2002). *Les marques parlent aux enfant*. Éditions d'Organization: Paris.
- Moses, L. J., & Baldwin, D. A. (2005). What can the study of cognitive development reveal about children's ability to appreciate and cope with advertising. *Journal of Public Policy and Marketing*, 24, pp 186-201.

- Neeley, S. M. & Petricone, B. (2006). Children's (mis)understanding of nutritional information on product packages: seeking ways to help kids make healthier food choices. *Advances in Consumer Research*, 33 (1), pp 556-57.
- Neeley S. & Schumann D. (2004). Using animated spokes—characters in advertising to children. *Journal of Advertising*, 33, 3, pp. 7-23
- Nordic-Estonian Consumer Education Group. (t.t). *Teaching consumer competences - A strategy for consumer education*. Dimuat turun dari laman sesawang <http://www.kuluttajavirasto.fi/File/f314aa66-4add-44f0-b464-2f5ddc26c145/Teaching%20consumer%20competences%2020a%20strategy%20for%20consumer%20education.pdf> pada 30 April 2012.
- Persatuan Pengguna. (2012). *Hak-hak pengguna*. Dimuat turun daripada laman sesawang [http://www.nccc.org.my/v2/index.php/portal-pengguna/hak-hak-pengguna\\_pada\\_22\\_Januari\\_2012](http://www.nccc.org.my/v2/index.php/portal-pengguna/hak-hak-pengguna_pada_22_Januari_2012).
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business: A skill building approach*. Ed. Ke-2. John Wiley & Sons: Toronto.
- UNESCO. (2005). United Nations decade of education for sustainable development 2005-2014: Draft international implementation scheme. Paris, France. Dimuat turun daripada laman sesawang [http://www.unescobkk.org/fileadmin/user\\_upload/esd/documents/Final\\_draft\\_IIS.pdf](http://www.unescobkk.org/fileadmin/user_upload/esd/documents/Final_draft_IIS.pdf) pada 6 September 2008.
- Unit Perancangan Ekonomi. (2012). *Dasar ekonomi baru*. Dimuat turun daripada laman sesawang [http://www.epu.gov.my/neweconomicpolicy\\_pada\\_22\\_Ogos\\_2012](http://www.epu.gov.my/neweconomicpolicy_pada_22_Ogos_2012).
- Unit Perancang Ekonomi. (2012). *Kualiti hidup Malaysia 2011*. EPU, Jabatan Perdana Menteri: Putrajaya.